

AXCEL PARACETAMOL-500 TABLET

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-500 Tablet.
2. Bagaimana Axcel Paracetamol-500 Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-500 Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-500 Tablet

Axcel Paracetamol-500 Tablet digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan sederhana yang berkaitan dengan keadaan seperti sakit kepala, migraine, sakit belakang, sakit gigi disebabkan oleh batuk dan selsema, sakit otot dan sakit ketika haid.

Bagaimana Axcel Paracetamol-500 Tablet berfungsi

Paracetamol mempunyai ciri-ciri analgesik dan antipiretik untuk melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Paracetamol-500 Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada paracetamol.

-Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda ada masalah buah pinggang atau fungsi hati.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat berikut kerana ia

mungkin berinteraksi dengan Axcel Paracetamol-500 Tablet anda:

- Ubat yang menjejaskan hati.
- Metoclopramide (digunakan untuk merawat loya, muntah, pedih ulu hati, rasa kenyang selepas makan dan hilang selera makan).
- Probenecid (digunakan untuk mencegah gout).
- Cholestyramine (digunakan untuk mengurangkan kolestrol dalam darah).

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Paracetamol-500 Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Dewasa: 1-2 tablet, setiap 4-6 jam (tidak lebih daripada 8 tablet dalam sehari melainkan dipreskripsikan oleh doktor).

Kanak-kanak 7-12 tahun: 1 tablet, 3-4 kali setiap hari (jangan lebih daripada 4 tablet melainkan dipreskripsikan oleh doktor). Jangan melebihi dos yang disarankan.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Paracetamol-500 Tablet mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Paracetamol-500 Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-500 Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan kepada doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axcel Paracetamol-500 Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Paracetamol-500 Tablet lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Jangan mengambil apa-apa ubat yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.
- Penggunaan kronik harus dielakkan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Paracetamol-500 Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

AXCEL PARACETAMOL-500 TABLET

Paracetamol (500mg)

- Ruam pada kulit dan tindakbalas alergi.
- Tindakbalas hipersensitiviti kulit seperti ruam kulit, pembengkakan pada lapisan dalam kulit, Steven Johnson Syndrome/ Toksik Epidermal Necrolysis.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan tindakbalas kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindakbalas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-500 Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Paracetamol-500 Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Paracetamol-500 Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Paracetamol-500 Tablet berwarna putih, bulat, berbetuk rata, logo Kotra pada satu bahagian dan satu bahagian lagi kosong, diameter 12.9mm.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Paracetamol

- Bahan Tidak Aktif:
Tiada

-Nombor MAL

MAL07091072XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

29/03/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)280318/00085